

Headline	Anak syarikat Daya Materials raih kontrak tiga tahun di Arab Saudi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	16 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	78 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 253
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 759



Anak syarikat Daya Materials raih kontrak tiga tahun di Arab Saudi

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Daya Materials Bhd (DMB), Daya Maxflo Sdn Bhd, meraih kontrak untuk tiga tahun daripada Schlumberger bagi perkhidmatan telaga khusus di Arab Saudi.

Projek tersebut akan bermula pada suku ketiga 2016, menurut syarikat dalam keny-

ataan.

Schlumberger, mempunyai operasi di lebih 85 negara dan menggaji kira-kira 100,000 orang, adalah penyedia teknologi global bagi takungan, penggerudian, pengeluaran dan pemprosesan untuk industri minyak dan gas.

DMB ditubuhkan pada

1994 dengan matlamat untuk mewujudkan syarikat minyak dan gas bersepadu di Malaysia dengan capaian global.

Kumpulan itu kini merupakan peserta utama dalam industri minyak dan gas serantau dengan operasi di seluruh Asia Pasifik, Eropah dan Timur Tengah. — Bernama